

08 SEP 1996

Mahathir-Sarawak

DR MAHATHIR GEMBIRA BN SARAWAK MENANG TAPI SEDIH KAWANNYA KALAH

PETALING JAYA, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata beliau gembira dengan kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya negeri Sarawak tetapi sedih kerana kawannya Tan Sri Dr Wong Soon Kai tewas.

"Dia (Tan Sri Wong) seorang yang telah lama berkhidmat dan saya hairan sebab apa dia tidak menang," katanya apabila ditanya mengenai kekalahan Wong yang merupakan Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) di Bukit Assek.

Wong tewas kepada calon DAP Wong Ho Leng, dengan majoriti 226 undi.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (Ikim) Datuk Dr Ismail Ibrahim di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir menyifatkan kekalahan Wong sama seperti kes Tun Dr Lim Chong yang tewas kepada Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang di Padang Kota semasa pilihan raya umum 1990.

"Saya tidak tahu apa kesalahan Tan Sri Wong atau apa yang DAP boleh beri hingga pengundi tolak dia," katanya.

Perdana Menteri berkata satu postmortem akan dibuat oleh BN Sarawak mengenai kekalahan Wong dan juga kemenangan DAP di tiga kawasan.

Selain di Bukit Assek, DAP juga menang di Kidurong dan Pelawan.

BN menang 57 kerusi, 19 daripadanya tanpa bertanding. Dua lagi kerusi dimenangi calon Bebas.

Dr Mahathir berkata kekalahan Wong juga mungkin disebabkan bilangan pengundi yang kurang keluar mengundi.

Mengenai kekurangan pemilih yang keluar mengundi iaitu 65.49 peratus, beliau berkata ia mungkin disebabkan mereka sudah menduga kemenangan BN dan tidak lagi khuatir akan berlaku pertukaran kerajaan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kemenangan DAP itu tidak bermakna parti itu akan bertapak kukuh di Sarawak.

"Ia cuma keinginan menukar selera di kalangan pengundi," katanya.

Mengenai kekalahan calon Bebas Dr Patau Rubis yang sebelum ini dianggap pencabar utama BN, Dr Mahathir berkata kekalahannya memang diduga kerana Patau adalah seorang yang tidak tetap pendirian.

"Semasa dia (Dr Patau) dalam BN pun dalam Dewan (Undangan Negeri) dia buat ucapan yang mengecam kerajaan. Saya tak tahu apa pendiriannya, orang macam itu susah sikit nak dipercayai. Kita tak tahu apa sebenarnya pendiriannya," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau gembira BN mendapat kemenangan dengan majoriti yang begitu besar. -- BERNAMA

ARA MAI